



APA ITU PROSIDING JENAYAH?

Prosiding jenayah ialah satu prosiding perundangan di mana seorang tertuduh (Orang Kena Tuduh – OKT) adalah didakwa bagi sebarang kesalahan jenayah yang telah dilakukan olehnya. Sekiranya didapati bersalah, OKT akan dijatuhkan hukuman mengikut undang-undang.

HIERARKI MAHKAMAH DI DALAM PERBICARAAN JENAYAH

Mahkamah Tinggi
untuk membicarakan kes jenayah yang membawa hukuman mati.

Mahkamah Sesyen
untuk membicarakan kes jenayah keculi yang membawa hukuman mati.

Mahkamah Majistret
bagi mendengar sebarang perbicaraan kes jenayah yang membawa hukuman penjara 10 tahun penjara ke bawah beserta denda.

PIHAK-PIHAK DI DALAM PROSIDING

Majistret / Hakim
seorang hakim yang bersidang semasa prosiding di dalam mahkamah.

Pendakwa Raya
seorang Pegawai Undang-Undang yang bertugas bagi mendakwa OKT.

Peguam Bela
seorang peguam yang mewakili OKT.

Saksi
individu-individu yang akan dipanggil oleh pihak pendakwaan / pembelaan untuk memberikan keterangan di dalam mahkamah

OKT
seseorang yang telah didakwa atas sebarang kesalahan jenayah.

CONTOH-CONTOH KESALAHAN JENAYAH

- Mengganggu ketenteraman awam
- Rogol
- Mencederakan dengan sengaja
- Menyebabkan keguguran
- Penahanan salah
- Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah
- Culik
- Sumbang mahram
- Curi
- Peras ugut



APAKAH YANG SAYA PERLU LAKUKAN JIKA SAYA DIDAKWA?

- 1 Apabila anda dituduh di Mahkamah, anda dipanggil sebagai "Orang Kena Tuduh"
- 2 Jurubahasa Mahkamah akan membacakan kertas pertuduhan kepada anda
- 3 Anda akan ditanya sama ada anda memahami pertuduhan tersebut
- 4 Anda akan ditanya sama ada hendak mengaku bersalah atau minta untuk dibicarakan
- 5 Mahkamah akan merekod pengakuan anda



HUKUMAN

JIKA anda mengaku bersalah atau disabitkan kesalahan terhadap pertuduhan tersebut, Mahkamah akan menjatuhkan hukuman dibawah peraturan undang-undang. Sesuatu hukuman mempunyai sama ada satu atau lebih hukuman seperti berikut:

- Penjara
- Denda
- Sebatan

Mahkamah akan memberikan hukuman mengikut tahap keseriusan kesalahan, sebarang rekod kesalahan lampau, faktor mitigasi dan juga faktor pemberatan.

Faktor Mitigasi

"Faktor Mitigasi" adalah perkara-perkara yang diminta oleh Orang Kena Tuduh untuk mendapatkan keringanan dalam hukuman.

Faktor-faktor mitigasi termasuklah:

- Latar belakang keluarga
- Umur
- Lain-lain faktor
- Kesalahan pertama tertuduh
- Kesihatan tertuduh; dan

Faktor Pemberatan

Selepas memberikan faktor mitigasi anda, pihak Timbalan Pendakwa Raya akan memberikan faktor pemberatan kepada hukuman. Faktor pemberatan termasuklah:

- Sabitan terdahulu
- Kekerapan kesalahan
- Penggunaan kekerasan; dan
- Lain-lain faktor



APAKAH ITU REMAN?

- Seorang suspek hanya boleh ditahan bagi tujuan siasatan di balai polis tidak lebih dari 24 jam.
- Sekiranya siasatan tidak dapat disiapkan dalam tempoh tersebut dan pihak polis ingin menahan suspek lebih dari 24 jam, suatu permohonan bagi penganjakan tahanan harus dibuat dalam masa 24 jam kepada Mahkamah Majistret.
- Majistret ialah pegawai kehakiman yang mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan perintah reman.
- Seseorang dikira sebagai telah direman apabila Majistret mengeluarkan perintah reman untuk melanjutkan penganjakan suspek lebih dari 24 jam.
- Tujuan reman adalah untuk memberikan masa kepada pihak polis untuk menyiapkan siasatan dan menentukan sama ada terdapat bukti yang mencukupi untuk menuduh suspek bagi kesalahan yang disyaki. Pihak polis hendaklah membuat permohonan reman tanpa sebarang kelewatan yang munasabah.

APAKAH YANG BERLAKU SEMASA PROSES REMAN?

Pihak polis hendaklah memberikan alasan penganjakan suspek lebih dari 24 jam kepada Majistret. Majistret akan mengambil kira alasan-alasan yang diberikan.

Sekiranya kesalahan yang disiasat adalah kesalahan yang mempunyai hukuman penjara kurang daripada 14 tahun, tempoh penganjakan hendaklah tidak lebih dari 4 hari bagi permohonan pertama dan tidak lebih dari 3 hari bagi permohonan kedua.

Semasa reman, suspek boleh memohon untuk


- a. Diwakili oleh peguam;
- b. Menghubungi ahli keluarga;
- c. Mendapat perubatan;
- d. Membuat aduan jika diberikan layanan buruk atau tidak diberikan makanan, minuman atau pakaian yang baik

Sekiranya kesalahan yang disiasat adalah kesalahan yang mempunyai hukuman penjara lebih daripada 14 tahun, tempoh penganjakan hendaklah tidak lebih dari 7 hari bagi permohonan pertama dan tidak lebih dari 7 hari bagi permohonan kedua.

Diakhir permohonan reman, Majistret boleh sama ada mengeluarkan perintah reman atau menolak permohonan tersebut. Sekiranya Majistret menolak permohonan reman atau tempoh reman kedua telah tamat, pihak polis hendaklah sama ada menuduh atau melepaskan suspek.

Sekiranya perintah reman dikeluarkan, suspek akan dibawa ke bilik tahanan polis

Suspek dibenarkan untuk dilawati oleh peguam atau ahli keluarga.



APA ITU IKAT JAMIN?

Pelepasan sementara Orang Kena Tuduh (OKT) dengan mengemukakan cagaran yang mencukupi dan akujanji penjamin untuk memastikan kehadiran OKT sepanjang tempoh percabaraan.

APAKAH SYARAT-SYARAT UNTUK MENJADI SEORANG PENJAMIN?

Seorang dewasa (berumur 18 tahun dan keatas)

Warganegara Malaysia (jika bukan warganegara Malaysia, penjamin tersebut adalah tertakluk di bawah syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Mahkamah);

Bagi OKT warganegara asing, pejamin hendaklah merupakan seorang warganegara Malaysia;

Faham segala syarat ikat jamin yang telah ditetapkan oleh pihak Mahkamah; dan

Berupaya mengemukakan jumlah wang jaminan yang telah ditetapkan oleh pihak Mahkamah.

PROSES IKAT JAMIN

Ikat jamin seterusnya akan diproses oleh pejabat pendaftaran di mahkamah yang berkenaan;

Penjamin perlulah mengemukakan seperti yang berikut:
i) Kad pengenalan si penjamin;
ii) Buku akaun simpanan/ akaun simpanan tetap bagi tujuan ikat jamin.

Pendaftar atau Majistret akan menerangkan kepada penjamin dan OKT mengenai syarat-syarat ikat jamin.

Penjamin akan diberikan surat rujukan dan ianya perlulah disimpan dengan baik bagi sebarang urusan berkaitan dengan ikat jamin tersebut.

eJAMIN

eJamin menawarkan alternatif bagi perkhidmatan bayaran jaminan Mahkamah untuk menjamin tertuduh yang berada di dalam tahanan dengan lebih pantas dan efisien melalui kaedah atas talian

Kaedah Penggunaan eJamin

- 1 Isikan maklumat penjamin serta OKT di portal eJamin melalui pautan <https://ejamin.my/> dan sahkan amaun jaminan dan nombor kes di Kaunter Pendaftaran Mahkamah.
- 2 Depositkan wang jaminan melalui sistem FPX (perkhidmatan perbankan secara dalam talian) di Bank Islam & Bank Muamalat.
- 3 Penjamin serta pihak Mahkamah akan menerima bukti deposit tersebut secara emel.
- 4 Pendaftar atau Majistret akan menerangkan kepada penjamin dan OKT mengenai syarat-syarat ikat jamin dan menyerahkan bon jaminan kepada penjamin.

APAKAH TANGGUNGJAWAB SEORANG PENJAMIN?

Penjamin perlulah memastikan kehadiran OKT di mahkamah pada Tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak Mahkamah.

APAKAH RISIKO PENJAMIN?

Jika penjamin gagal mematuhi mana-mana syarat jaminan, jaminan boleh dilucutkan oleh mahkamah

